

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERHIMPUNAN AGUNG MIC YANG KE-43

TEMPAT: DEWAN MERDEKA, PWTC, KUALA LUMPUR

TARIKH: 03 AUG 1996

MASA:

1. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MIC kerana menjemput saya untuk merasmikan Majlis Perhimpunan Agung MIC yang ke-43 pada hari ini. Sepertimana lazimnya saya selaku Presiden Barisan Nasional (BN) diberi penghormatan untuk merasmikan Perhimpunan Agung parti-parti komponen BN. Langkah seperti ini memang ada baiknya kerana selain memberi peluang kepada saya menyampaikan pesanan, ia juga membolehkan saya berjumpa dengan ahli-ahli parti MIC. Lagi pun ia adalah satu amalan yang unik di negara ini, yang malangnya terhad kepada Barisan Nasional sahaja. Ia menunjukkan bahawa kita mampu bersatu dan menerima bahawa kejayaan perjuangan memerlukan pengiktirafan pemimpin. Sebab itu, saya gembira diberi peluang hadir bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan di majlis ini. Semoga semangat ini dapat mempereratkan lagi perhubungan antara ahli-ahli MIC dengan ahli-ahli komponen-komponen Barisan Nasional.

2. Saya percaya Perhimpunan Agung MIC kali ini akan menghasilkan resolusi-resolusi yang dapat menyumbang ke arah memperbaiki lagi kepentingan, nasib dan masa depan masyarakat India Malaysia. Sebagai sebuah parti yang mempunyai peranan penting dalam menggerakkan masyarakat India, saya yakin MIC berupaya membawa masyarakat India ke arus pembangunan sosial, ekonomi dan politik yang lebih tinggi.

3. Walaupun orang India Malaysia merupakan hanya 10 peratus daripada jumlah rakyat negara ini, tetapi peratusan mereka dalam berbagai kumpulan profesional adalah jauh lebih tinggi daripada 10 peratus. Oleh itu, amatlah penting MIC menarik mereka ini menyertai parti. Setakat ini penyertaan golongan profesional dalam MIC tidak mencerminkan komitmen mereka, yang dipercayai tidak kurang daripada kumpulan lain.

4. Di dalam era yang menitikberatkan pembangunan teknologi yang canggih serta pembangunan industri

yang kompetitif, dinamik dan efisien, adalah penting semua rakyat membuat persediaan yang rapi untuk mengambil peluang supaya tidak ketinggalan daripada arus kemajuan. Saya yakin MIC akan dapat memberi kepimpinan yang berkesan bagi membawa masyarakat India kepada pembaharuan yang diperlukan. Sementara Kerajaan berhasrat untuk melihat masyarakat India turut sama melangkah ke depan dengan kaum-kaum lain, tetapi mereka hendaklah melayakkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kecekapan. Sebagaimana kita ketahui perpaduan rakyat di negara ini bergantung besar kepada wujudnya perseimbangan penyertaan oleh semua kaum daripada semua peringkat. Dalam hal ini saya berbangga kerana masyarakat India kini lebih kukuh dan mantap lagi berbanding dengan tahun-tahun 80an.

5. Tahun ini Kerajaan telah melancarkan Rancangan Malaysia Ketujuh (RM7) dan seperti rancangan-rancangan pembangunan lima tahun yang lain sebelum ini, RMK bertujuan antara lain membawa rakyat Malaysia ke arah pembangunan yang lebih tinggi dan seimbang. Matlamat penting dan teras rancangan-rancangan ini adalah supaya rakyat berbilang kaum di negara ini mempunyai taraf hidup yang tinggi dalam suasana aman damai. Saya telah menyeru supaya masyarakat Cina mencipta budaya Cina Malaysia baru untuk berjuang bersama Melayu Baru mendirikan Malaysia yang lebih maju. Saya percaya masyarakat India Malaysia juga perlu pembaharuan budaya untuk berganding bahu dengan kaum-kaum lain dalam membangunkan negara kita Malaysia.

4. Semua rakyat tidak mengira kaum atau peringkat sama ada atasan atau bawahan mempunyai peluang yang luas untuk menikmati kekayaan negara. Berbagai-bagai program yang telah dirancang dan dilaksanakan terbuka kepada kaum India Malaysia untuk menyertainya. Bahawa tidak adanya tumpuan khas untuk India Malaysia tidak bermakna tidak ada langsung tumpuan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah orang India Malaysia. Walaupun terdapat hanya seorang Menteri daripada kaum India Malaysia dalam Kabinet tetapi penyertaannya amatlah besar dan tidak terhad kepada Kementeriannya sahaja.

5. Dalam konteks ini, sukaiah dinyatakan bahawa masyarakat India Malaysia juga telah turut menikmati faedah hasil daripada pembangunan pesat negara. Sebagai contoh dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), pendapatan purata isi rumah masyarakat India telah bertambah dengan begitu ketara sekali walaupun fenomena ini adalah menyeluruh dan telah memanfaatkan semua masyarakat, sama ada India, Cina ataupun Bumiputera.

6. Dilihat daripada sudut kemiskinan, kadar kemiskinan di kalangan masyarakat India juga telah

berkurangan daripada 8 peratus pada tahun 1990 kepada 2.3 peratus pada 1995. Didapati juga bahawa pada tahun 1995 lebih daripada separuh (53.3 peratus) masyarakat India tergolong daripada kumpulan pertengahan, iaitu yang berpendapatan RM1000 dan RM3000 sebulan.

7. Malahan didapati bahawa kadar pertumbuhan purata tahunan pendapatan isi rumah bagi kaum India adalah yang tertinggi sekali berbanding dengan kaum-kaum Cina ataupun kaum Bumiputera. Bagi tempoh 1990-1995 kadar pertumbuhan bagi kaum Bumiputera adalah 9.3 peratus, kaum Cina 10 peratus dan kaum India 10.1 peratus. Begitu juga dengan pemilikan ekuiti korporat, di mana didapati bahawa kadar pertumbuhan purata bagi kaum Bumiputera adalah 12.1 peratus, Cina 8.3 peratus manakala bagi masyarakat India ianya adalah 20.6 peratus. Jumlah ekuiti korporat yang dipegang oleh kaum India pula telah meningkat lebih sekali ganda iaitu daripada RM1.1 billion pada 1990 kepada 2.7 billion pada tahun 1995. Daripada segi kadar pertumbuhan bagi tahun 1991-1995 kaum India adalah kedua yang paling cepat.

8. Ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat India tidak ketinggalan dalam pembangunan negara sepertimana yang sering diperkatakan. Malahan statistik menunjukkan bahawa berbanding dengan golongan-golongan lain masyarakat India adalah yang paling banyak mendapat manfaat daripada beberapa rancangan-rancangan Kerajaan. Hanyalah oleh kerana 'base' atau asasnya kecil, maka pertumbuhan yang tinggi pun masih meletak kedudukan orang India Malaysia di taraf yang belum memuaskan. Namun pertumbuhan yang lebih tinggi daripada kaum lain jika diteruskan akan membolehkan kaum India Malaysia mengejar dan 'catch-up' dengan kaum-kaum lain.

9. Satu sebab yang penting yang membolehkan keadaan positif ini berlaku ialah kerana wujudnya perpaduan di kalangan rakyat. Sikap toleransi dan hormat menghormati di antara satu sama lain telah membawa kepada kestabilan politik. Tidak ada sesuatu yang lebih penting untuk kemajuan negara daripada kestabilan politik. Ini tidak bermakna tidak ada pertukaran baik daripada segi dasar atau kepimpinan. Pertukaran boleh dibuat asalkan ia dibuat secara tersusun dan teratur, aman dan selamat. Bahawa tidak adanya pertukaran walaupun pertukaran boleh dibuat tidak bermakna politik negara tidak sihat dan tidak demokratik. "Change should be possible when there is a need for change, but changing simply because we can change is wasteful and unproductive. It does not even mean democracy is working."

10. Walau bagaimanapun, faktor yang tidak kurang

pentingnya dan menjadi kunci kepada kejayaan kita ialah perpaduan dan sikap toleran di kalangan rakyat. Bila rakyat memahami kepentingan negara mendahului kepentingan diri atau kepentingan satu-satu kaum maka ini akan akhirnya memenuhi kepentingan tiap-tiap kaum. Ini adalah satu `paradox' atau keganjilan. Tetapi ia adalah benar. Di mana juga didapati kaum-kaum mengutamakan kepentingan diri secara keterlaluan, seperti di Ireland Utara dan Yugoslavia, yang akhirnya menyebabkan kepentingan kaum itu tidak dapat menghasilkan apa-apa. Adalah lebih baik mendapat separuh daripada menuntut semua tetapi akhirnya tidak mendapat apa-apa. Rakyat Malaysia bertuah kerana lebih makmur daripada rakyat negara-negara membangun yang lain. Oleh itu kita tidak harus membuat apa-apa yang boleh mengancam kestabilan politik atau perpaduan kaum.

12. Kita sedar bahawa masih ada rakyat yang perlu dibela nasib mereka. Kita tidak melupakan mereka ini dan di bawah RM7 kita telah menggariskan berbagai-bagai program dan langkah untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan rakyat termiskin atau yang berpendapatan rendah. Sebagai contoh Kerajaan akan terus berusaha untuk mengurangkan lagi kadar kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira kaum. Ini adalah sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, yang masih kita junjung.

13. Saya berbangga bahawa kedamaian, kestabilan dan kemakmuran negara kita sedikit sebanyak disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh MIC. Kewibawaan parti MIC membawa imej yang positif di kalangan masyarakat India. Justeru itu, rakyat keturunan India hendaklah menyertai dan diberi tempat dalam MIC. UMNO telah dan akan menerima semua mereka yang meninggalkannya dahulu jika mereka ingin menyertai UMNO semula. Parti-parti komponen yang lain juga perlu memberi peluang penyertaan dengan seluas-luasnya.

14. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Samy Vellu di atas kegigihan dan komitmen beliau untuk membawa pembangunan dan pembaharuan kepada kaum India. Saya percaya MIC merupakan parti yang paling layak dan berwibawa untuk memperjuangkan nasib dan masa depan kaum India. Saya berharap masyarakat keturunan India di Malaysia akan terus memberi sokongan kepada MIC dan kepada parti Barisan Nasional untuk membantu mereka dalam menempuh masa depan yang lebih cerah.

15. Untuk menentukan usaha-usaha Kerajaan supaya pertumbuhan ekonomi kita dapat diteruskan dengan jayanya, semua pihak hendaklah memberi kerjasama

dalam pelaksanaan RM7 ini. Tiada siapa boleh mendakwa bahawa tidak wujud peluang untuk rakyat merebut kekayaan di negara ini. Jika kita ingin kehidupan yang lebih baik, tiap seorang rakyat Malaysia hendaklah mampu mengganti dua atau tiga rakyat asing yang datang bekerja di sini. Sudah tentu pendapatan kita juga akan dilipatgandakan.

16. Dengan harapan masyarakat India akan terus bersama MIC dan menyokong Barisan Nasional demi perpaduan, kemakmuran dan kestabilan negara, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MIC kali ini.